

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

17. Apakah bantuan yang disediakan untuk anak muda yang ingin memulakan perniagaan sendiri?.

**YB. DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN HAJI HUSSAIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

17. Kerajaan Negeri telah menyediakan kemudahan/bantuan untuk anak muda yang ingin memulakan perniagaan sendiri antaranya:

a) Kemudahan pinjaman mikro kredit yang dikenali sebagai Skim Pinjaman Harapan (SPH) Negeri Pulau Pinang, yang dahulunya dikenali sebagai Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang. Skim ini diwujudkan dengan matlamat untuk membantu mewujudkan modal tambahan kepada usahawan dan anak muda Negeri Pulau Pinang. SPH ini disalurkan tanpa sebarang cagaran dan penjamin dengan jumlah pinjaman antara RM2,000.00 hingga RM25,000.00 dari umur 18 hingga 60 tahun dengan tempoh bayaran balik antara 2 hingga 3 tahun.

Walau bagaimanapun kemudahan pinjaman ini disediakan untuk usahawan yang telah berniaga melebihi 6 bulan. Sejak dilancarkan pada tahun 2009, sehingga Jun 2018, sejumlah RM14.77 juta telah diagihkan kepada 2,974 orang usahawan; dan

b) Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa MMK Pertanian dan Industri

Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang bersama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang. PDC telah bertindak bagi pihak Kerajaan Negeri sebagai pemberi pinjaman, pengutip dan pentadbir.

Had umur peminjam dari umur 18 tahun ke 40 tahun, kemudiannya bermula 2018 had umur itu telah dinaikkan ke 60 tahun. Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) juga telah ditukar kepada Tabung Usahawan Tani (TUT).

Program ini diwujudkan untuk memberi dorongan kepada golongan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan.

Pinjaman sebanyak RM5,000 seorang ditawarkan kepada peminjam pertama bagi tempoh bayaran balik selama 2 tahun tanpa faedah. Bagi pinjaman seterusnya, faedah 8% setahun dikenakan kepada peminjam dan tempoh bayaran balik selama 2 tahun.

Bermula September 2015, sehingga Jun 2018, sebanyak RM582,000 telah diagihkan kepada 110 orang peminjam usahawan tani.

Selain itu, terdapat beberapa agensi persekutuan yang turut menawarkan bantuan untuk anak muda yang ingin memulakan perniagaan sendiri seperti berikut:

(I) SME CORP. :

- a) Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE); dan
- b) Program SME University Internship.

(II) MARA :

- a) Program Usahawan Teknikal (PUTEK);
- b) Advanced Technology Entrepreneur Development Program (ADAPT);
- c) Start Up Accelerator Program (STAR);
- d) Skim Pembiayaan Mobilepreneur; dan
- e) Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPEED NANO).

(III) TEKUN :

- a) Program Agropreneur Muda (UAM);
- b) Program Pembangunan Usahawan Profesional Muda; dan
- c) Program Pembangunan Usahawan Siswazah.